

PANDUAN PENYERTAAN HARI INOVASI PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR TAHUN 2026

PENGENALAN

Penganjuran Hari Inovasi Peringkat Negeri Pahang diadakan bagi menghimpun idea-idea yang kreatif dan inovatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti. Anugerah yang diberikan melalui penganjuran Hari Inovasi ini iaitu Anugerah Pahang Inovatif merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada individu dan organisasi yang berjaya menghasilkan produk yang paling berinovasi dan menunjukkan usaha berterusan bagi membudayakan inovasi dan kreativiti sejajar dengan hasrat kerajaan bagi menjadikan inovasi sebagai salah satu bidang penjana pendapatan.

OBJEKTIF

- I. Membudayakan inovasi bagi setiap peringkat kategori: Sekolah, Institusi Pengajian Tinggi (Awam/Swasta), Syarikat Swasta/Syarikat Berkaitan Kerajaan, Jabatan Kerajaan dan orang awam.
- II. Menghimpunkan produk/projek inovasi di peringkat Negeri Pahang untuk dijadikan koleksi produk inovasi Negeri Pahang yang berpotensi tinggi.
- III. Mewujudkan generasi dan kelompok masyarakat yang kreatif dan inovatif dalam merekayasa ilmu dan idea inovasi masing-masing.
- IV. Memberi peluang kepada inovator untuk memasarkan produk/idea inovasi yang berpotensi untuk menjana pendapatan tambahan.

SYARAT PENYERTAAN

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Pendaftaran penyertaan bagi Anugerah Pahang Inovatif Tahun 2026 adalah melalui dalam talian di laman web <https://pikir.pahang.gov.my> sehingga **31 Julai 2026 (Jumaat)**.
2. Anugerah Pahang Inovatif Tahun 2026 terbuka kepada **penduduk/permastautin di Negeri Pahang** sahaja mengikut kategori yang dipertandingkan.
3. Terdapat 5 Kategori Penyertaan (bergantung kepada jumlah penyertaan). Pembahagian kategori adalah seperti berikut:
 - **Awam (Perkhidmatan Kerajaan):** Individu atau kumpulan yang mewakili jabatan kerajaan masing-masing.
 - **Terbuka (Orang Awam):** Individu atau kumpulan yang tidak mewakili sebarang badan atau jabatan, tidak ditaja atau dibiayai oleh mana-mana pihak.
 - **Institut Pengajian Tinggi:** Individu atau kumpulan yang mewakili mana-mana institut pengajian tinggi di Negeri Pahang sama ada institut awam mahupun swasta.
 - **Sekolah Menengah:** Individu atau kumpulan yang berumur 13 hingga 17 tahun mewakili mana-mana sekolah menengah di dalam Negeri Pahang.
 - **Sekolah Rendah:** Individu atau kumpulan yang berumur 7 hingga 12 tahun mewakili mana-mana sekolah rendah di dalam Negeri Pahang.

4. Sekiranya penyertaan bagi sesuatu kategori tersebut tidak mencapai tahap minima (kurang daripada 10 penyertaan), kategori tersebut akan dibatalkan.
5. Pemohon hendaklah menggunakan **satu (1) ID sahaja (ketua kumpulan) bagi satu inovasi** yang ingin dipertandingkan. **SEORANG PEMOHON BOLEH MENYERTAI SATU KATEGORI PENYERTAAN SAHAJA.**
6. Hanya pemohon yang berjaya melepasi proses senarai pendek sahaja yang akan dijemput untuk mengambil bahagian di dalam peringkat akhir Anugerah Pahang Inovatif Tahun 2026.
7. Pihak penganjur berhak untuk mengubah syarat pertandingan, jumlah hadiah atau sebarang bentuk hadiah tanpa makluman kepada para peserta.
8. Keputusan pertandingan akan ditentukan oleh panel hakim yang dilantik. **Keputusan adalah muktamad.** Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
9. Setiap pencalonan hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia, **Seksyen Kualiti dan Inovasi, Unit Korporat** secara dalam talian (*online*) di laman web seperti berikut :

SISTEM PENGURUSAN INOVASI & KREATIF PAHANG (PIKIR)

<https://pikir.pahang.gov.my>



Sebarang pertanyaan dan urusan surat-menyurat boleh menghubungi pihak urus setia seperti berikut:

Telefon : 09-513 9440 (En Razin)
09-516 1345 (Puan Siti Fatihah)
09-516 3403 (Puan Wan Munira)
E-mel : qi.korporat@pahang.gov.my
Alamat : Urus setia
Unit Korporat, Tingkat Bawah, Blok C,
Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
PAHANG DARUL MAKMUR

10. Calon hendaklah mengemukakan slaid persembahan (jika berkaitan), keterangan projek, data, gambar, pengiktirafan diterima (peringkat jabatan/agensi, negeri, kebangsaan, antarabangsa) atau bukti lain yang jelas (masukkan dalam satu folder yang diberikan nama kumpulan) dengan memuat naik ke dalam *Google Drive* akaun e-mel masing-masing dan masukkan pautan *folder* tersebut di ruangan “Pautan Lampiran Projek (*Google Drive*)” dalam Sistem PIKIR.
11. Sila pastikan capaian kepada *folder* tersebut adalah berada dalam status “***anyone with the link***” supaya maklumat yang dikongsi dapat diakses oleh pihak urus setia dan panel penilai.

Nota : Peserta tidak perlu mengemukakan salinan dokumen (*hard copy*) kepada pihak urus setia.

KRITERIA PEMARKAHAN

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Markah Penuh
Idea	1. Kreativiti a) Keaslian; atau (25) b) Adaptasi (10)	25
Hasil Inovasi (Output)	2. Tahap Pelaksanaan a) Secara penuh (melepassi peringkat percubaan); atau (10) b) Percubaan (di peringkat prototaip) (5)	10
	3. Replicability a) Boleh dilaksanakan terus di pelbagai tempat; atau (10) b) Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut keperluan tanpa melibatkan kos yang tinggi (5)	10
Impak (Outcome)	4. Efisien (Kecekapan) a) Nilai Untuk Wang (<i>value for money</i>)(10) b) Peningkatan produktiviti (5) c) Mudah digunakan (<i>user-friendly</i>)(5)	20
	5. Signifikan a) Berimpak Tinggi; atau (20) b) Berimpak Sederhana; atau (10) c) Rendah. (5)	20

Tumpuan Penilaian	Kriteria	Markah Penuh
Komitmen	6. Sokongan a) Penglibatan dan kerjasama sepanjang pameran / pertandingan (5)	5
Persembahan	7. Persembahan a) Poster / Risalah (4) b) Penggunaan visual yang berkesan (3) c) Penerangan yang jelas (3)	10
JUMLAH KESELURUHAN (100 Markah)		100